

Terlibat politik: SPNK patut bertindak — PM

MCA 30 SEP 1990

GUA MUSANG 29 Sept. — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri Kelantan (SPNK) seharusnya mengambil tindakan ke atas mana-mana kakitangan awam negeri yang menyalahgunakan kedudukan mereka untuk tujuan politik.

Perdana Menteri berkata, sekiranya bertanggungjawab, suruhanjaya itu sepatutnya bertindak ke atas kegiatan sesetengah pegawai kerajaan yang menggunakan kedudukan mereka untuk berkempen politik.

"Kalau mereka tidak bertindak, saya tak tahu apa sebabnya dan ini bermakna mereka tidak bertanggungjawab," katanya ketika ditanya mengenai adanya Pegawai Daerah di negeri ini yang menggunakan jentera kerajaan untuk berkempen dalam politik.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas perjumpaan dengan masyarakat Orang Asli di dewan Sekolah Jenis Kebangsaan Gua Musang di sini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata beliau amat dukacita dengan tindak-tanduk sesetengah Pegawai Daerah yang menggunakan wang kerajaan untuk berkempen bagi parti pembangkang atau untuk kepentingan diri.

"Saya tidak tahu Pegawai Daerah yang mana, tapi kalau ada yang guna kedudukannya untuk kepentingan diri, ini akan merosakkan pemerintahan," katanya.

Beliau menambah kata kegiatan seumpama itu, kadangkala menimbulkan pelbagai "cerita" yang tidak tepat, seperti kesemua proses pembangunan adalah dari Pegawai Daerah dan bukannya dari kerajaan.

Dalam ucapannya, Dato' Sri Dr. Mahathir memberi jaminan akan membela nasib Orang Asli agar mereka mencapai taraf hidup yang sama seperti penduduk lain di negara ini.

Bertambah baik

Kehidupan Orang Asli semakin bertambah baik, katanya sambil berharap mereka akan sentiasa setia kepada kerajaan.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, beliau akan memberi perhatian khusus kepada pembangunan kawasan Gua Musang dan masyarakat Orang Asli di Hulu Kelantan.

Beliau juga berkata, kerajaan tahu bahawa ada golongan yang telah menipu masyarakat Orang Asli kononnya parti pembangkang ialah kerajaan yang sedang memerintah negara ini.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Kelantan, Tan Sri Haji Mohamed Yaacob. Ia dihadiri oleh kira-kira 300 orang masyarakat Orang Asli dalam kawasan Gua Musang.

Malam tadi, Perdana Menteri menghadiri majlis makan malam bersama masyarakat Cina dan India, di dewan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) di sini.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri berkata, semua kaum di negara ini bebas menjalankan aktiviti masing-masing dan kerajaan sentiasa mempertimbangkan kepentingan mereka secara adil.

Beliau berkata Kerajaan Barisan Nasional (BN) yang mewakili semua kaum dapat memberi kesejahteraan kepada rakyat selain menjamin keamanan demi kemakmuran mereka dan dalam hal ini, rakyat boleh menilai kejayaan parti pemerintah sejak 33 tahun negara merdeka.

Turut berucap pada majlis itu ialah Presiden MCA, Dato' Sri Dr. Ling Liong Sik, Presiden Gerakan Dato' Sri Dr. Lim Keng Yaik, Presiden MIC Dato' Sri S. Samy Vellu dan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Yaacob.